



NOTIS PEMAKLUMAN
PENGOPERASIAN MAHKAMAH SYARIAH DAERAH KOTA KINABALU
DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

KEPADA PELANGGAN YANG DIHORMATI

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PENGOPERASIAN MAHKAMAH SYARIAH DAERAH KOTA KINABALU YANG DIJADUALKAN PADA 31 JANUARI 2022 (ISNIN) DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH ADALAH DITANGGUHKAN SEHINGGA 28 FEBRUARI 2022 DISEBABKAN MASALAH TEKNIKAL PADA BANGUNAN.

SEHUBUNGAN ITU, PENGOPERASIAN MAHKAMAH SYARIAH YANG BAHARU DALAM TEMPOH TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

Perkhidmatan Kaunter Mahkamah Syariah Kota Kinabalu

1. Khidmat kaunter Mahkamah Syariah adalah ditutup sehingga 28 Februari 2022 kepada semua jenis pendaftaran kes baharu **KECUALI** bagi kes yang melibatkan tempoh had masa rayuan.

Pendaftaran Kes Mahkamah Rendah Syariah Kota Kinabalu

2. Pelanggan yang bermastautin atau tinggal di daerah Kota Kinabalu atau kawasan sekitar boleh mendaftarkan permohonan di **MSD Papar dan MSD Kota Belud sehingga 28 Februari 2022.**

Pendaftaran Kes Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu

3. Pelanggan yang bermastautin atau tinggal di daerah Kota Kinabalu atau kawasan sekitar boleh mendaftarkan permohonan di **MSD Papar, MSD Kota Belud dan MSD Ranau sehingga 28 Februari 2022.**

Pendengaran Kes Sebutan/ Bicara/ Kes Sulh/ Kes BSK

4. Bagi prosiding pendengaran kes sebutan/ bicara (Mahkamah Rendah/ Tinggi Syariah) yang telah dijadualkan sebelum ini termasuklah prosiding kes *sulh* dan kes BSK akan **dijalankan secara atas talian (online)** mengikut kesesuaian kes dan kesediaan pihak-pihak. Keutamaan diberikan bagi kes-kes yang ada persetujuan bersama / kes yang boleh diselesaikan dengan segera. Mahkamah

akan menghubungi pihak-pihak bagi memaklumkan tarikh pendengaran *online* atau tarikh penangguhan kes.

Pendaftaran Dan Prosiding Kes Jenayah Syariah

5. Pendaftaran dan prosiding kes jenayah syariah adalah ditangguhkan sehingga 28 Februari 2022.
6. **Pemfailan Rayuan/ Semakan/ Permohonan lanjut tempoh**

Bagi urusan pemfailan rayuan/ semakan/ permohonan lanjut tempoh, pelanggan boleh menghubungi Unit Rayuan di alamat emel :

- i) siti_halizah@esyariah.gov.my
- ii) rayuansyariahsabah@gmail.com

Pengambilan Perintah Mahkamah

7. Pengambilan perintah mahkamah adalah melalui temujanji dan dibuat secara pandu lalu (*drive-thru*) di lobi utama Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah. Mahkamah akan menghubungi pihak-pihak bagi memaklumkan tarikh dan masa pengambilan perintah tersebut.
8. Sebarang Pertanyaan dan lain-lain urusan, pelanggan boleh berhubung terus kepada *Person In Charge (PIC)* di talian sementara :
 - i. Mahkamah Rendah Syariah KK : 017-5757 826 (waktu bekerja)
 - ii. Mahkamah Rendah Syariah Papar : 088-912 386 (waktu bekerja)
 - iii. Mahkamah Rendah Syariah Kota Belud : 088-972 926 (waktu bekerja)

Tarikh Mula Operasi

9. Mahkamah Syariah Daerah Kota Kinabalu akan beroperasi sepenuhnya **mulai 1 Mac 2022** di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah, Teluk Likas.
10. Sebarang perubahan operasi mahkamah akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Segala kesulitan yang timbul amatlah dikesali.

Dikeluarkan oleh :
Pejabat Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah
Bertarikh : 25 Januari 2022